

'Menteri serah SPRM isu dakwaan pegawai kutip sogokan'

Kuala Lumpur: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat dakwaan pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengutip sogokan secara bulanan.

Beliau juga mengingatkan semua kakitangan dan pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) itu, untuk sentiasa menjaga tatakelola dan integriti dalam melaksanakan tugas.

"Akhirnya kita lihatlah apa siasatan SPRM nanti, tidak kira (melibatkan) kesalahan apa (sama ada) ambil insentif atau mana-mana tatakelola yang tidak bagus.

"Dalam budaya kerja, saya sering mengingatkan dan menekankan nilai integriti, kerana pada akhirnya kita mahu memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat dan memastikan tiada yang mengambil peluang, menggunakan kedudukan atau (mengamalkan) tatakelola yang tidak baik," katanya.

Dr Zaliha berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Inisiatif *Waste-To-Wealth* Wilayah Persekutuan di Perumahan Awam (PA) Seri Pulau Pinang di sini semalam.

Turut hadir Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mengulas program semalam, Dr Zaliha berkata, inisiatif itu dilaksanakan menerusi Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) yang berkonsepkan sistem barter, membolehkan komuniti menukar barang kitar semula kepada barangan keperluan dapur ditetapkan DBKL.

"Setiap hari bandar raya ini menghasilkan 2,300 tan sisa pepejal. DBKL pula memperuntukkan RM260 juta setahun untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, dan ini bukan nilai yang sedikit.

"Oleh itu, inisiatif ini diharap mengubah persepsi masyarakat, iaitu sampah sebagai sumber tak berguna, sebaliknya boleh mendatangkan keuntungan dan manfaat jika diuruskan bersama dengan baik," katanya.

Dr Zaliha berkata, ada empat kios 1C1R di sekitar Kuala Lumpur iaitu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Beringin, PA Seksyen 2 Wangsa Maju, PPR Seri Alam dan PA Seri Kota.

Beliau berkata, empat lagi kios akan diwujudkan iaitu di PA Seri Pulau Pinang, PPR Pinggiran Bukit Jalil, PPR Kerinchi dan di PPR Muhibbah. BERNAMA